

20 NOV 1996

Peru-lawat

PRESIDEN PERU TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Presiden Peru Alberto Fujimori tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan selama tiga hari.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 3.15 petang di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperatif Datuk Osu Haji Sukam yang juga menteri pengiring.

Lawatan Presiden Fujimori itu adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan juga sebagai membalas lawatan Dr Mahathir ke Peru Oktober tahun lepas.

Ini merupakan lawatan Fujimori kedua ke Malaysia selepas lawatan pertamanya pada tahun 1991.

Rombongannya dalam lawatan kali ini termasuk para menteri kabinetnya dan wakil-wakil sektor swasta penting.

Fujimori antara lain dijadualkan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai penggalakkan hubungan dua hala khususnya perdagangan dan pelaburan, usaha sama dan isu-isu serantan dan antarabangsa.

Fujimori dan rombongannya kemudiannya diberi sambutan rasmi dalam satu upacara di Bangunan Parlimen di sini.

Ketibaan Fujimori di Bangunan Parlimen dengan diiringi oleh Dr Mahathir di sambut oleh Tuanku Ja'afar pada kira-kira pukul 4 petang.

Tempat asal upacara iaitu di dataran Parlimen dipindahkan ke Bangunan Parlimen kerana hujan lebat.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan sebelum Presiden Peru itu di perkenalkan kepada menteri-menteri Kabinet Malaysia dan para diplomat asing. -- BERNAMA

JM WAT